

4 FEB 1996

Mahathir-lawat

PERDANA MENTERI LAWAT KELANTAN KHAMIS INI

PASIR PUTEH, 4 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan lawatan kerja sehari ke Kelantan pada khamis ini (8 Feb).

Penolong Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) Che Solah Mat Hassan berkata Dr Mahathir yang juga pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan yang diiringi oleh isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali akan berbuka puasa bersama-sama rakyat negeri itu.

"Kira-kira 10,000 rakyat daripada semua lapisan masyarakat dijangka hadir bagi berbuka puasa dengan Perdana Menteri dan isteri di Sekolah Menengah Tok Janggut di sini," katanya di sini hari ini.

Sebelum majlis berbuka puasa itu, Dr Mahathir dijangka akan menyampaikan ucapan perdana kepada rakyat Kelantan yang menyentuh mengenai pelbagai isu termasuk ekonomi dan politik masa kini Kelantan.

Che Solah berkata, Perdana Menteri dijangka tiba di Lapangan Terbang Pengkalan Chepa pada 2.30 petang dengan memulakan acara lawatan menemui penduduk miskin di bawah projek Pemulihan Rakyat Termiskin (PPRT) di Pantai Baru Bachok.

Pada majlis itu beliau akan menyampaikan 100 bungkusan hadiah Hari Raya kepada penduduk terbabit.

Selepas itu Perdana Menteri akan melawat Projek Kemasim Semerak (Perkasa) khususnya Projek Pemecah Ombak yang berharga lebih RM20 Juta di Tok Bali diikuti menemui seorang tokoh veteran Umno di Kampung Gong Chata dekat sini.

Dr Siti Hasmah pula mempunyai acara berasingan dengan melakukan lawatan ke Hospital Pasir Puteh untuk beramah-mesra dengan pesakit di situ di samping menyampaikan bungkusan hadiah Hari Raya sebelum menghadiri majlis berbuka puasa.

Pada bulan ramadan tahun lepas, Dr Mahathir dan isteri turut melawat Kelantan bagi berbuka puasa bersama rakyat di Kadok. -- Bernama.